

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 7 TAHUN 1978**

### **PERINTAH DI BAWAH KAEDAH 35(2) KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966**

Seperti yang diketahui oleh semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah, Kaedah-kaedah Tanah Kelantan, 1966 telah dipinda dan disiarkan dalam Warta Kerajaan Kn. P.U 20 bertarikh pada 14hb September 1978 sebagai Kaedah-kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 1978. Pindaan itu mula berkuatkuasa pada 1hb September 1978.

2. Dalam melaksanakan kehendak Kaedah 35(2) itu Pemungut-pemugut Hasil Tanah dikehendaki mengeluarkan satu Perintah (Order) kepada mana-mana orang lain (selain daripada tuan tanah) supaya mengusahakan tanah padi yang tidak diusahakan oleh tuan tanah itu sendiri. Bagi maksud tersebut bentuk Perintah seperti yang dilampirkan kepada Pekeliling ini hendaklah digunakan.

3. Dalam menentukan orang-orang yang hendak dikeluarkan Perintah itu pula Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah berhati-hati supaya orang itu benar-benar berupaya dan tidak pula menimbulkan apa-apa masalah yang tidak diingini di antara tuan tanah dengan orang dikeluarkan Perintah itu. Sebagai satu langkah mengelakkan atau mengurangkan kemungkinan yang disebut itu, Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan supaya memberi keutamaan kepada Koperasi-koperasi Peladang (sama ada di bawah KADA atau Lembaga Pertubuhan Peladang). Persatuan-pertusan belia atau mana-mana pertubuhan yang sanggup dan mampu mengusahakan tanah yang tidak diusahakan itu.

**t.t**

**(Hamzah bin Ahmad)**

Pengarah Tanah Dan Galian

Kelantan

**KEPADA:**

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah,  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Semua Ketua-ketua Jajahan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Tadbir LKTN Kelantan

Pengarah Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pengarah Pertanian Negeri Kelantan

Pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang

Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu

Pegawai Kemajuan Negeri Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**FAIL:** (SUK. (KN.) BIL. 1/66/(40))

**KOTA BHARU:** 8HB NOVEMBER 1978.

**KANUN TANAH NEGARA 1965**

**LAMPIRAN**

**KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN, 1966**  
**PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 35 (2)**

(Pek.PTG 7/78)

Bahawa pada.....2hb.....19.....suatu pengisytiharan di  
bawah Kaedah 34 telah dikeluarkan bagi  
Jajahan.....  
DAN BAHAWASANYA setelah dibuat penyiasatan  
didapati.....

(Nama Penuh)

tuan punya tanah yang dijadualkan di bawah ini telah mungkir memulakan/  
menyempurnakan.....  
yang ia dikehendaki menunaikan di bawah Kaedah 35 (1):

MAKA MENURUT KUASA yang diberi di bawah Kaedah 35 (2) daripada  
Kaedah-kaedah Tanah Kelantan, 1966. ADALAH DIPERINTAHKAN  
bahawa.....K/P/P/N.No:.....

yang beralamat di.....  
memasuki tanah itu bagi tujuan seperti berikut:

.....  
(nyatakan tujuan-tujuan)  
.....  
.....

dan selanjutnya ADALAH DIPERINTAHKAN supaya.....  
membayar hasil tanah bagi tahun.....yang dikenakan ke atas tanah itu  
sebanyak

\$.....(Ringgit:.....)\* atau  
membayar wang sebanyak \$.....(Ringgit:.....)  
atau menyerahkan sebanyak.....gantang padi  
kepada.....

(tuan punya tanah atau wakilnya)

Bertarikh pada.....hb.....19.....

.....  
(PEMUNGUT)

Jajahan:.....

**JADUAL**

Jajahan : ..... Daerah: ..... Mukim: .....

\*Lot/P.T No: ..... Jenis dan No.Hakmilik: .....

Keluasan: ..... Hasil Tahunan : \$.....

.....

\*Potong mana-mana tidak berkenaan